

Permintaan penduduk bakal direalisasi

KUANTAN - Permintaan penduduk Sungai Lembing di sini untuk memiliki sebuah balai bomba dan menaik taraf sistem perpalpan akan disampaikan kepada Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Setiausaha Politik Perdana Menteri, Abu Bakar Yahya berkata, pihaknya memerlukan laporan daripada pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) untuk dibawa kepada pengetahuan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta Perdana Menteri sebelum diputuskan.

"Saya percaya kerajaan akan bantu sebaik mungkin malah saya membawa pesanan Tun untuk memaklumkan kepada semua jabatan kerajaan yang terlibat dalam kes kebakaran ini untuk bertindak segera.

"Jangan lengahkan dan pastikan rakyat mendapat bantuan kerajaan yang sewajarnya. Hari ini (semalam) saya datang ke sini untuk melawat mangsa dan mendapatkan maklumat dari semua pihak yang terlibat untuk disampaikan kepada Tun M," katanya.

Beliau berkata demikian



Abu Bakar (kanan) melihat lokasi kejadian dengan diliputi Ismail (tiga dari kiri) semalam.

an pada sidang akhbar selepas melawat lokasi kebakaran dengan diliputi Penolong Pengarah Bahagian Operasi Kebommbaan Dan penyelamat JBPM Pahang, Ismail Abdul Ghani di Jalan Java, Kampung Sungai Lembing di sini semalam.

Sementara itu, Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung Melayu Bandar Sungai Lembing, Ridzal Sukimi berkata, pihaknya bersyukur dan mengalu-alukan kedatangan Abu Bakar.

Katanya, beliau dimaklumkan bahawa permo-

honan untuk menyediakan balai bomba di kawasan terbabit sudah diluluskan beberapa hari sebelum berlaku kebakaran.

"Namun takdir ALLAH perkara ini berlaku dan kita ambil pengajaran daripadanya. Mungkin selepas ini segalanya dapat disegerakan," katanya.

Kelmarin, 33 unit rumah termasuk sebuah perpustakaan yang terletak di Java Street, South Canton Street, North Canton Street di Kampung Sungai Lembing di sini musnah dalam kebakaran pada kira-kira jam 1.30 pagi.